

Oleh AMIN ZAKI

**T**RADISI kepemimpinan Umno bererti tradisi kepemimpinan orang Melayu. Seandainya kepemimpinan Umno mengalami kekalutan, sama ada kerana isu yang benar-benar wujud atau sengaja diwujudkan untuk mendapatkan sokongan, itu mencerminkan kekalutan kepemimpinan orang Melayu sendiri. Ini tentunya dilihat dan dinilai oleh parti kawan dan lawan.

Dalam sejarah kemerdekaan negara, kita sudah mengalami kepemimpinan tiga orang Perdana Menteri — masing-masing mempunyai ciri-ciri dan keistimewaan tersendiri. Dan kini kita sedang menghayati kepemimpinan Perdana Menteri keempat yang tidak kurang pula keistimewaannya. Selaku Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mahu ketinggalan mengajukan beberapa konsep baru untuk mengisi serta memantapkan lagi kemerdekaan.

Dalam era kepemimpinan Perdana Menteri terdahulu, baik era Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj, Tun Abdul Razak, jawatan Persiden parti tidak pernah ditandingi kecuali zaman Tun Hussein Onn yang dicabar oleh Haji Sulaiman Palestin. Pemilihan pucuk pimpinan Umno hanya tertumpu kepada jawatan-jawatan Timbalan dan Naib Presiden dan jawatankuasa lainnya. Kalaupun ada pencalonan untuk bertanding merebut jawatan Presiden, mereka yang dicalonkan itu cepat-cepat menarik diri kerana tidak mahu menentang ketua.

Keadaan itu berlarutan dan sudah dianggap sebagai tradisi dalam Umno. Bagaimanapun, pertandingan untuk merebut jawatan Timbalan dan Naib Presiden, dan jawatankuasa lain adalah demokrasi ala Umno yang diteruskan dan diterima oleh semua ahli.

# ***Pertandingan jawatan Presiden lemahkan parti***

## Mengenang budi

Sesungguhnya bangsa Melayu amat kaya dan kental dengan sopan santun. Rasa hormat terhadap ketua amat mendalam sehinggakan kata-katanya dianggap penawar dan menjadi pegangan kepada semua. Pepatah Melayu yang mengatakan *anak Melayu pantang derhaka* dijadikan tangkal azimat. Inilah tuah. Inilah tenaga di sebalik kekuatan serta keutuhan Umno sejak ditubuhkan 40 tahun yang lalu. Inilah juga yang menjadi teras perpaduan Umno sehingga disegani di dalam dan di luar negeri.

Tetapi menjelang pemilihan pucuk pimpinan 24 April ini, tradisi Umno itu mula di-singkirkan. Nampaknya ketua atau Presiden parti akan ditandingi. Dengan itu, tidak ada lagi kemenangan percuma. Tidak ada lagi rasa hormat yang mendalam terhadap ketua. Dengan kata lain, kalau ingin menjadi Presiden Umno harus berani menghadapi pertandingan.

Kalau setakat bertanding untuk merebut jawatan Presiden, tanpa menimbulkan kebimbangan di kalangan rakyat, kita dapat menerimanya dengan hati terbuka. Tetapi jika pertandingan itu menimbulkan beberapa masalah yang lebih rumit, maka rakyat merasa kesal terhadap sikap mereka yang terabit.

Suatu hal yang mungkin hasil dari merebut jawatan Presiden parti itu nanti ialah ahli Umno akan berpecah dan berpuak-puak. Kalau selama ini kewujudan puak-puak kecil kerana merebut jawatan Timbalan dan Naib Presiden dapat ditenteramkan oleh Presiden kerana kedudukannya disegani semua pihak, siapa pula nanti atau golongan mana yang berani tampil menenteramkan puak-puak yang menyokong calon merebut jawatan Presiden?

Jelasnya pertandingan merebut jawatan Presiden Umno akan menimbulkan perpeca-

han di kalangan ahli-ahli Umno sendiri. Sudah tentu golongan yang ingin mempertahankan tradisi Umno akan menyokong Datuk Seri Dr Mahathir. Mereka tentunya mempunyai alasan-alasan yang kukuh untuk menentang pihak lawan. Bagi mereka, golongan penentang adalah golongan yang tidak mengenang budi dan golongan seumpama itu tidak wajar wujud dalam Umno.

Sementara itu, golongan yang menyokong calon merebut jawatan presiden pula mempunyai pandangan lain. Bagi mereka golongan yang mempertahankan tradisi Umno adalah golongan ketinggalan zaman, golongan tidak ingin kepada perubahan dan golongan membekukan demokrasi. Golongan statik itu harus dipupuskan dari Umno.

Kelainan pendapat dan matlamat itu tidak akan berakhir di hari pengundian, malah ia akan menjadi dendam yang membara seperti *api dalam sekam*. Natiujahnya wujudlah ra-

mai politiking dalam Umno yang berani membuat kenyataan bertentangan dengan dasar parti. Ini menimbulkan kelemahan jentera Umno sendiri yang menerajui Barisan Nasional. Apa kata parti komponen Barisan Nasional jika itu terjadi?

Allahyarham Tun Razak ketika menjadi Perdana Menteri, berusaha mengurangkan politiking Melayu dengan membawa Pas ke dalam Barisan Nasional. Matlamat beliau berjaya buat seketika. Tetapi kemudiannya di zaman Tun Hussein Onn, Pas keluar daripada BN setelah berasa tertipu dan cuba melanggar batas setiakawan yang sudah diper-setujui bersama.

Sebenarnya, semakin ramai politiking dalam sesebuah parti semakin longgar perpaduan di kalangan ahli dan semakin lemahlah parti itu. Hal sedemikian memang ditunggu-tunggu oleh parti lawan yang bercita-cita besar ingin menerajui kerajaan. Apakah orang Umno tidak menyedari hakikat ini? Apakah orang Umno sanggup menggadai bangsa Melayu semata-mata kerana inginkan jawatan Presiden parti?

## 'Tukang angguk'

Sekarang ini kita lihat banyak perkara yang terjadi dalam Umno, termasuk kempen-kempen fitnah, anggota kabinet mengkritik dasar kerajaan dan sebagainya yang menampakkan ketidakmatangan ahli-ahli Umno sendiri. Kadangkala kita melihat ahli Umno berkelakuan seperti kanak-kanak kecil — hari ini bergaduh, esok berpeluk-pelukan.

Sebagai ahli sebuah parti terbesar yang memperjuangkan kedaulatan dan maruah bangsa Melayu, kempen-kempen kotor menyentuh peribadi pemimpin tertentu tidak wajar diamalkan. Lebih-lebih lagi jika ditokok tambah dengan fitnah berupa tohmah secara terbuka dan surat layang. Rak-

**Pepatah Melayu yang mengatakan anak Melayu pantang derhaka dijadikan tangkal azimat. Inilah tuah. Inilah tenaga di sebalik kekuatan serta keutuhan Umno sejak ditubuhkan 40 tahun lalu.**

yat masakini bukan lagi rakyat Malaysia 20 atau 30 tahun yang lalu yang hal-hal seumpama itu dapat mempengaruhi pemikiran mereka.

Masalah peribadi adalah masalah lain. Yang penting apakah pemimpin atau bakal pemimpin itu mempunyai karisma dan idea yang tepat untuk memajukan bangsa dan negara? Apakah bakal pemimpin kita itu sudah sedia terkenal di kalangan masyarakat antarabangsa untuk memastikan dasar luar negara tidak memihak ke mana-mana?

Amat dikesalkan jika berlaku pemimpin-pemimpin yang tegas, berani dan dihormati di kalangan antarabangsa jatuh kerana fitnah dan iri hati. Kita tidak mahu menjadi *pak turut*, kita tidak mahu lagi menjadi *tukang angguk*. Kita mahu Malaysia tegak sebagai sebuah negara yang tidak boleh diperkecil-kecilkan. Usaha-usaha kita memerangi apartheid di Afrika Selatan, menentang kezaliman Zionis di Palestin, menjadikan Antartika sebagai zon berkecuali dan menjadikan Asean sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali adalah jelas hasil usaha pemimpin-pemimpin masakin.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri, yang juga Naib Presiden Umno, Encik Ghafar Baba, dengan nada kesal pernah berkata: "Kekalutan yang ada dalam Umno sekarang tidak mungkin terjadi jika Datuk Musa Hitam tidak meletak jawatan. Tindakan Datuk Musa memberi kesempatan kepada Tengku Razaleigh untuk bertindak lebih agresif. Tetapi Datuk Musa sendiri tak

ubah seperti *lari dari rahang buaya masuk ke rahang harimau*. Jawatan yang direbutnya tetap sama.

Sementara itu, Datuk Seri Dr Mahathir juga pernah berkata bahawa beliau akan melepaskan jawatan Presiden parti bila sampai masanya nanti. Tetapi dalam kenyataan terbaru beliau menegaskan bahawa beliau tidak akan mengalah kepada tekanan dan tidak akan menyerah kepada yang ingin merampas kuasa.

Malah, ketika mengulas khabar angin yang mengatakan bahawa beliau akan meletakkan jawatan jika menang dengan majoriti kecil dalam pemilihan nanti, Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, beliau akan terus memegang jawatan Presiden Umno walaupun menang dengan satu undi.

Sikap Datuk Seri Dr Mahathir sebagai Presiden parti sudah jelas; berani menghadapi cabaran dan tegas. Tidak kurang juga sikap golongan yang menentang; semakin agresif dan tidak sabar. Bagaimanapun, penentuan muktamad di tangan perwakil yang berpeluang mewakili bahagian masing-masing.

Suatu hal yang harus kita ingat ialah pemilihan pucuk pimpinan parti yang memerintah sentiasa mendapat perhatian dan penilaian negara luar yang berkepentingan, terutama modal asing yang sedang dan akan melabur di negara ini. Cara kita berpolitik akan menentukan sejauh mana keyakinan mereka terhadap kestabilan ekonomi dan dasar luar negara.

Ada orang berpendapat bahawa perebutan kuasa dalam Umno kali ini berupa *kalah jadi abu, menang jadi arang*. Sama-samalah kita tunggu dan lihat pada 24 April nanti.